

16/09/2003

Sepakat cegah penyeludupan

HATYAI: Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Kastam Thailand bersetuju membuka pusat tunggal pemeriksaan dan pelepasan barang di sempadan Malaysia-Thailand bagi mencegah penyeludupan selain memendekkan tempoh urusan import dan eksport.

Ketua Pengarah KDRM, Tan Sri Abdul Halil Abdul Mutalib, berkata pusat itu akan dibuka di lima pintu sempadan, iaitu Bukit Kayu Hitam di Kedah, Rantau Panjang (Kelantan), Betong (Perak) dan Padang Besar serta Wang Kelian di Perlis.

Beliau berkata, pusat pertama akan dibina di Bukit Kayu Hitam sebagai projek perintis tidak lama lagi.

Katanya, menerusi kerjasama itu, KDRM dan Kastam Thailand akan berkongsi sebuah pusat pemeriksaan dan pelepasan barang dagangan di sempadan.

Abdul Halil berkata, Thailand bersetuju menyediakan tapak seluas kira-kira 1.6 hektar di sempadan Bukit Kayu Hitam untuk pembinaan pusat itu.

Pada masa ini, katanya, pusat pemeriksaan KDRM dan Kastam Thailand di Bukit Kayu Hitam berada di negara masing-masing dengan jarak empat kilometer antara satu sama lain dan ruang itu memberi peluang kepada penyeludup melakukan kegiatan mereka.

"Kerjasama itu akan memendekkan tempoh pelepasan barang import dan eksport di sempadan Malaysia-Thailand selain tidak lagi memerlukan pemeriksaan tiga atau empat kali (seperti sekarang)," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat tidak rasmi dengan pegawai kanan Kastam Thailand di sini, semalam.

Kastam Thailand diketuai oleh Ketua Pengarahnya, Chavalit Sethameteekul.

Abdul Halil berkata, kerjasama itu adalah susulan memorandum persefahaman yang ditandatangani di Langkawi, Julai lalu, yang disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya, Thaksin Shinawatra.

Beliau berkata, pusat pemeriksaan tunggal itu juga akan berfungsi sebagai zon penampungan barang seludup dari atau ke kedua-dua negara.

"Misalnya, Kastam Thailand di pusat itu akan terlebih dulu menahan kenderaan yang membawa masuk beras ke Malaysia tanpa permit import (AP) dan KDRM pula akan mengawasi kemasukan minyak kelapa sawit dari Malaysia tanpa AP," katanya.

Pusat itu dijangka akan memendekkan tempoh pelepasan barang dagangan dari sekitar tiga jam kepada 10 minit bagi setiap kenderaan selaras dengan keperluan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Mengenai penyeludupan kereta Malaysia ke Thailand, Abdul Halil berkata Kastam Thailand menimbang untuk tidak melelong kereta milik rakyat Malaysia yang dilaporkan dicuri di Malaysia dan diseludup ke Thailand untuk dijual.

Bagaimanapun, katanya, Kastam Thailand meminta pihak berkuasa Malaysia menyediakan senarai kenderaan yang dilaporkan dicuri di Malaysia bersama nombor enjin dan casis untuk rujukan mereka.

"Jika disahkan kereta curi, Kastam Thailand menimbang untuk tidak melelongnya dengan syarat pemiliknya dikenal pasti dan datang menuntutnya. Saya akan maklumkan kepada polis mengenai perkara ini," katanya.